

CNS4022

U GB 22-09 00126 BB278

aab

Mahathir - Major (Bergambar)

DR MAHATHIR DAN MAJOR ADAKAN PERTEMUAN EMPAT MATA

KUALA LUMPUR, 22 Sept. (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbincang mengenai Bosnia dengan Perdana Menteri Britain John Major dalam pertemuan selama sejam di Jabatan Perdana Menteri.

Pertemuan empat mata yang dijadualkan selama 30 minit itu, berlarutan sehingga sejam dengan isu Bosnia menjadi perhatian utama, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada pemberita mengenai pertemuan itu.

Dr Mahathir menjelaskan mengenai dasar, pendirian dan sikap Malaysia berkaitan isu Bosnia, katanya.

Britain sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, boleh menggunakan pengaruhnya menyelesaikan isu Bosnia, kata Abdullah.

Kedua-dua Perdana Menteri kemudian mengetuai delegasi masing-masing dalam perbincangan selanjutnya. -- Lagi

▼22/09/19-59MST

CNS4030

U GB 22-09 00150 BB279

bah

Mahathir - Major 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya butiran lanjut perbincangan mengenai Bosnia, Abdullah hanya berkata Perdana Menteri menyentuh pelbagai perkara berkaitan isu itu kerana mahukan Britain memainkan peranan menyelesaikan masalah itu.

Mengulas perbincangan dua hala selanjutnya, beliau berkata kedua-dua pemimpin mengakui hubungan antara Malaysia dan Britain bertambah baik sejak akhir-akhir ini terutama dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Keadaan ini, katanya, jelas terbukti dengan upacara menandatangani memorandum persefahaman membabitkan syarikat-syarikat Britain dan Malaysia bagi lima buah projek raksasa di negara ini.

Perkara lain yang diberi perhatian pada perbincangan dua hala itu ialah bidang pendidikan dan Dr Mahathir meminta kerjasama Britain untuk mendapatkan khidmat guru bahasa Inggeris bagi melatih tenaga pengajar matapelajaran berkenaan di negara ini.

Usaha itu adalah satu daripada langkah mengatasi kekurangan guru-guru terlatih untuk mengajar bahasa Inggeris di negara ini sekarang, kata Abdullah. -- Lagi

▼22/09/20-04MST

bah

Mahathir - Major 3 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya, butiran kerjasama itu akan dibincangkan lebih lanjut apabila satu rombongan peringkat pegawai Britain melawat Malaysia November depan.

Di samping itu, Abdullah berkata, kedua-dua pihak juga membincangkan mengenai program universiti berkembar dan delegasi Malaysia mahukan kaedah itu dikembangkan lagi bagi mengurangkan perbelanjaan menghantar pelajar ke luar negara.

Ada juga cadangan dari sebuah universiti di Britain dan sebuah syarikat Malaysia bagi membuka sebuah kampus cawangan di sini tetapi perkara itu perlu dihalusi kerana Akta Pelajaran hanya membenarkan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa penghantar, katanya.

Turut dibangkitkan pada perbincangan dua hala itu ialah hak mendarat yang lebih banyak bagi Penerbangan Malaysia di Britain memandangkan jumlah penumpang dari Malaysia ke destinasi-destinasi di negara itu semakin meningkat.

"Perkara itu dibincangkan kerana kita memerlukan hak mendarat yang lebih banyak tetapi kita belum mendapat satu jawapan positif," kata Abdullah. -- Lagi

▼22/09/20-31MST

bah

Mahathir - Major 4 (akhir) Kuala Lumpur

Selain daripada Abdullah, delegasi Malaysia pada perbincangan itu terdiri daripada Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ling Liong Sik dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Satu daripada lima memorandum persefahaman yang ditandatangani pada akhir perbincangan dua hala itu membabitkan pembinaan lapangan terbang antarabangsa KL di Sepang.

Memorandum itu ditandatangani oleh Pengerusi Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIA) Tan Sri Sheriff Kassim dengan wakil Anglo Japanese Airport Consortium Sdn Bhd (AJAC) Sir Robin Biggam.

Memorandum lain ialah antara UMW Corporation Sdn Bhd dan Specialist Vehicles Ltd (UK) bagi menubuhkan sebuah syarikat usahasama mengeluarkan dan memasarkan bas di Malaysia dan negara lain di Asia Pasifik.

Turut ditandatangani ialah memorandum antara Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) dengan Trafalga House Construction Ltd bagi mewujudkan sebuah syarikat usahasama Cleveland-EON Asia Sdn Bhd bagi menjalankan pelbagai kegiatan pembinaan kenderaan.

Memorandum antara Genting Sanyen (M) Sdn Bhd dan British Gas pula membabitkan usahasama membina, memiliki dan mengendalikan sebuah janakuasa di Kuala Langat.

Satu lagi perjanjian membabitkan Tenaga Nasional Berhad dan John Brown (M) Sdn Bhd bagi pemasangan turbin gas di Pasir Gudang, Johor. -- Bernama

JO RON